

30/01/2005

Pertabalan Bush diktator moden patut mengajar kita

By Noor Azam

YANG dikatakan dunia Arab-Islam itu sebenarnya tidak wujud. Muafakat dan setiakawan Islam-Arab pun tidak wujud. Negara negara Arab seperti enau dalam belukar. Jangankan ikut bantu berperang, sedikit protes pun tidak ada, bahkan sekarang, doa pun tidak ada lagi.

AMERIKA Syarikat ditegakkan di atas timbunan mayat, darah dan air mata: Perang saudara, pembunuhan pribumi dan perhambaan Negro Afrika. Semasa Perang Dunia Kedua dihantarnya bala tentera ke Eropah untuk membunuh tentera Jerman, dan bom atom yang kali pertama digunakannya telah memusnahkan seluruh Hiroshima dan Nagasaki.

Di Indo-China tenteranya menyeksa dan membunuh puluhan, mungkin ratusan ribu manusia, termasuk anak-anak mudanya sendiri. Ia berjaya memisahkan Korea menjadi dua, tetapi tak berjaya memaksa orang Korea terus berbunuhan.

Pada bahagian akhir kurun yang lalu ia memperalatkan Taliban dan mengirimi senjata untuk menentang Russia di Afghanistan. Apabila Taliban menang, George W Bush pun dengan bangga mengirimi pula bala tentera dan senjata yang lebih dahsyat untuk menghapuskan Taliban dengan dalih menghapuskan Osama ben Laden dan militan Islam.

Sebenarnya kemunculan dan kehebatan Osama tidak akan begitu ketara tanpa sokongan CIA semasa Russia menduduki Afghanistan. Pada masa Amerika menghadapi masalah kerana tidak semua pemimpin negara-negara Arab boleh diperbudakkan, ia mengikat hubungan dengan Saddam Hussein dan membekalkan pelbagai senjata termasuk roket, untuk menghapuskan para Ayatollah di Iran.

Apabila Saddam menjadi terlalu kuat dan tidak dapat diperbudakkan, maka Bush pun menyerang Iraq, dengan dalih palsu "weapons of mass destruction". Orang Iraq ditawan dan diseksa dengan cara yang amat menyakitkan hati umat Islam di seluruh dunia. Setelah Saddam ditawan, ia berjaya mengekalkan cita-cita politik-ekonominya, dan membalas dendam terhadap orang Islam, dengan 'memaksa' kaum Sunnah dan Syiah terus berperang.

Semua pembunuhan dan kekejaman yang amat dahsyat selama berpuluh tahun ini dilakukan dengan sewenang-wenangnya dengan dalih mengisytiharkan perang melawan komunis, militan Islam, menegakkan demokrasi dan keamanan dunia.

GEORGE BUSH SUDAH 'MASUK' KE MASJIDIL HARAM DAN MASJID NABAWI MAKA apabila Bush meneruskan keghairahan hendak berperang, bukanlah suatu keanehan. Lagipun dalam sejarah Texas, menyelesaikan masalah dengan cara membunuh adalah perkara biasa dan suatu kebanggaan. Akan tetapi, bagi kita umat Islam di luar dunia Arab, terasa amat aneh melihat segala kekejaman dan penghinaan Amerika di Iraq sekarang ini, seperti tidak sedikit pun menyentuh hati nurani pemimpin dan orang Arab-Islam. Jangankan hendak bangkit ikut melawan, sedikit protes pun tidak ada. Sekarang doa untuk para pejuang Islam dalam solat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi pun tidak ada lagi.

Selepas negara Soviet Russia dihancurkan, tiadalah lagi negara yang berani menentang Amerika. Mahkamah Dunia pun ikut menjadi bonekanya. Saya percaya Amerika memang sengaja membiarkan Osama terus hidup seperti Israel (sebenarnya Amerika) sengaja tidak mahu membunuh Arafat dengan bom dan meriamnya dengan matlamat mendapatkan pengganti Arafat yang akan menurut kehendaknya. Amerika menabalkan Hamid Karzai di Afghanistan dan berusaha meletakkan Iyad Allawi di Iraq.

Menurut Susan Watkins, dalam majalah New Left Review: "Little secret is made of the fact that, like his counterpart Hamid Karzai in Afghanistan, he (Iyad Allawi) has been a paid CIA agent for many years."

Pada Ramadan yang lalu, para imam di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi tidak lagi membacakan doa khusus untuk pejuang Islam di Palestin, Afghanistan dan Chechnya. Biasanya dalam doa solat terawih dan Jumaat, doa khusus untuk pejuang Islam ini dilaungkan dengan nada yang sangat menusuk kalbu. Para makmum mengaminkan dengan kuat dan penuh khusyuk dan ada yang menggoncang-goncangkan tangan dan menitiskan air mata.

TIADA GUNA MENGATA BUSH BILA PEMIMPIN NEGARA ISLAM TIDAK MEMENTINGKAN MARUAH

NYATALAH Bush telah `menawan' seluruh raja dan pemimpin Arab-Islam, kecuali Iran. Dan pengaruhnya sudah sampai ke mimbar imam Masjidil Haram dan Masjid Nabawi. Pasti ada pihak yang mengarahkan agar doa itu ditiadakan. Mungkin juga ada raja dan pemimpin negara Arab yang takut kedudukan mereka tergugat oleh semangat perjuangan itu. Justeru saya berasa, letupan bom dan tembak menembak di Arab Saudi akhir-akhir ini adalah juga kerja CIA.

Pertabalan Bush sebagai Presiden AS - sang diktator moden - disambut dengan resah gelisah di seluruh dunia dan dengan demonstrasi di London, Berlin, dan protes rakyatnya yang belum pernah sehebat itu semasa pertabalan presiden.

"As George W. Bush kicks off his second term as US President, many around the world are nervous about the intentions of a leader they regard as cocky, shallow and dangerous."

Tinjauan pendapat BBC World` Service menunjukkan majoriti rakyat Turki (72%), Perancis (65%), Brazil (59%) dan Jerman (56%) "thought less of Americans because of Bush. Hanya rakyat Poland, India dan Filipina yang majoritinya menyokong. ("Inaugurating hopes, fears" - NST 22 Januari 05).

Dalam protes di Washington ada yang menjerit: "George Bush, you can't hide. We charge you with genocide". Antara beratus sepanduk yang mengeji Bush dalam perjalanan ke White House, ada yang berbunyi "Blood is on your hands" dan "Iraq is Arabic for Vietnam".

Seorang sarjana sejarah lulusan Pennsylvania State University, Meredith Lair, menyatakan kekesalannya, "It's beyond comprehension the damage this man has done."

PEMIMPIN ARAB-ISLAM LANGSUNG TAK BOLEH DIHARAPKAN MEMBELA ISLAM  
DALAM halaman berita dunianya, NST 22 Januari lalu memberikan tajuk besar: "Anti-war protesters mar Bush inauguration". Anehnya saya tidak mendengar atau membaca apa-apa protes atau demonstrasi di negara-negara Arab.

Apabila bersalaman dengan orang-orang Arab di Makkah atau Madinah, biasanya mereka akan bertanya, "Anda dari Indonesia?" Dan saya akan menjawab, "Tidak, saya dari Malaysia." Lalu dengan spontan dan ceria mereka meluahkan perasaan, "Oh! Dr Mahathir! He is a great Islamic leader." Dan saya tidak pernah mendengar mereka menyanjung raja atau pemimpin mereka.

Dr Mahathir pernah merungut beberapa kali: "Pemimpin-pemimpin Arab langsung tak boleh diharap." Kekecewaan ini berdasarkan pengalamannya selama bertahun-tahun berusaha mewujudkan muafakat dan kerjasama dengan negara-negara Islam. Akhirnya tak ada yang dapat dikerjakan.

Kesimpulannya, jika kita, umat Islam Malaysia hendak memperkukuh dan mengangkat martabat dan maruah Islam di negara kita ini, kita sama sekali tidak boleh mengharap orang lain. Dengan bilangan amat kecil dan dalam negara sangat kecil ini, kita mestilah berusaha sendiri. Jangan bertelagah dan memperbesar-besarkan perkara titik bengik. Bekerja dan beramal, bukan berceramah. Carilah kebenaran, bukan kesalahan. - (NO 86 Jalan SS22/32, Damansara Jaya, Selangor - 28 Januari 05).

(END) Source : Berita Harian